

Rujukan : USM/PAO/011/17  
Tarikh : 6 November 2017

Dekan/ Pengarah/ Penyelaras/Ketua Jabatan  
Pusat Pengajian/ Pusat/ Unit/Seksyen/  
Kampus Induk/ Kejuruteraan/ Kesihatan

Bangunan Canselori  
(Chancellory Building)  
11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel : 04-6533888  
www.usm.my

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERMOHONAN KERJASAMA BAGI MELICINKAN PROSES KEMASUKAN DATA KE DALAM SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET UNIVERSITI (SPPA)**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/Tuan/Puan, **Pejabat Aset dan Operasi (PAO) bersama-sama dengan Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi (PPKT)** sedang berusaha memastikan proses kemasukan data SPPA dapat dilengkapkan sepenuhnya pada 28hb November 2017 sebelum dilancarkan secara rasmi.


3. Dengan itu, saya ingin memohon YBhg. Dato'/Tuan/Puan agar dapat **meminta semua Pegawai Aset di PTJ masing-masing** untuk memastikan semua data berkaitan aset PTJ masing-masing dapat dimasukkan ke dalam SPPA selewat-lewatnya atau pada 28hb November 2017. Sekiranya YBhg. Dato'/Tuan/Puan menghadapi kekurangan Pegawai Aset untuk kemasukan data-data berkenaan, saya mohon pelantikan Pegawai Aset tambahan dalam kalangan staf PTJ masing-masing dapat dilakukan dengan kadar segera.

4. Sebarang persoalan, boleh berhubung terus dengan Encik Ahmad Wafi di ext 6430 ([wafi@usm.my](mailto:wafi@usm.my)) atau Puan Roshita di ext 6293 ([roshita@usm.my](mailto:roshita@usm.my)). Kerjasama YBhg. Dato'/Tuan/Puan amatlah diharapkan dan sangat-sangat dihargai demi memastikan pengurusan aset USM dilakukan secara sistematik serta mematuhi Dasar Pengurusan Aset Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Memastikan Kelestarian Hari Esok"**

Yang menjalankan tugas,



**(PROFESOR DATO' DR. ABD. AZIZ TAJUDDIN)**  
Pendaftar

s.k. Timbalan Pendaftar, Pejabat Aset dan Operasi  
Ketua Pegawai Maklumat, Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi

